

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN
MOHD RAMLI [DUNGUN]**

TARIKH : 07.04.2015 (SELASA)

NO. SOALAN : 44

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan perancangan terhadap program kampung tersusun di Kampung Rantau Panjang, Hulu Dungun dan pembangunan ekonomi sekitar.

Jawapan :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui agensi LKW, iaitu KETENGAH merancang program Kampung Tersusun Kampung Rantau Panjang bagi penempatan semula penduduk sekitar yang terlibat dengan banjir pada tahun 1984 dengan membina rumah kos rendah sebanyak 75 unit dan telah diagihkan kepada penduduk terlibat. Kemudahan-kemudahan lain yang telah disediakan di kampung tersebut ialah dua unit kedai setingkat, sebuah surau, sebuah dewan serbaguna, sebuah tadika KEMAS, sebuah Balai JKKK, sebuah wakaf dan satu gelanggang takraw.

Pembangunan ekonomi sekitar pula melibatkan pertanian secara komersial seperti ladang sawit, kebun buah-buahan secara berkelompok, tanaman sayuran berkelompok, ternakan lembu secara pawah, ternakan ikan talapia serta ternakan lebah kelulut melibatkan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain seperti Jabatan Pertanian dan Jabatan Veterinar.